

# KOMUNIKASI POSITIF DENGAN ANAK-ANAK

## 7 Tip Terbaik Perlu Ada

Mendidik anak-anak sememangnya memerlukan kesabaran yang tinggi. Malah memerlukan kemahiran berbahasa yang tepat dan baik kala berdepan dengan anak-anak. Berkomunikasi secara baik dan positif sememangnya wajib dilakukan oleh ibu bapa.

Penulis: SITI RAMLAH MAHMUD



Menurut Dr Norzila Zakaria daripada Fakulti Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, berkomunikasi dengan anak-anak adalah satu kemahiran yang memerlukan ilmu dan diperhalusi dengan praktikal.

Pengalaman komunikasi yang lalu perlu dijadikan

panduan untuk ibu bapa memperbaiki kemahiran berkomunikasi. Adakalanya kita sebagai ibu bapa rasa kecewa kerana cara kita tidak berjaya menangani masalah anak yang kita cuba selesaikan.

Adakalanya kita rasa bersalah kerana berkasar dengan anak yang tidak mahu menurut kehendak kita. Kita juga mungkin rasa bersalah kerana tidak memberikan perhatian penuh terhadap anak kerana ada tugas lain yang mahu diselesaikan. Namun, bila kita boleh berkomunikasi dengan cara yang betul, mendengar dengan baik dan memberikan anak peluang untuk bagi pendapat pasti kita akan merasa sangat bahagia. Berikut adalah 7 tip terbaik untuk komunikasi yang efektif.

### 1 Jadilah pendengar yang baik

Fikirkan bahawa kita mahu mendengar masalah dan membantu anak menyelesaikan masalah tersebut. Berikan sepenuh perhatian kepada perkara yang anak cuba sampaikan. Pandang matanya, biar kita sama paras dengan anak ketika itu. Ini bermakna jika dia duduk, kita juga perlu



duduk, jika dia berdiri, kita perlu merendahkan badan kita supaya mata kita setentang dengan mata anak. Tunjukkan wajah yang merangsang anak untuk bercakap dengan kita. Jika kita menunjukkan wajah yang marah atau terkejut, saya pasti anak tidak akan memberitahu maklumat lanjut.

### 2 Beri perhatian kepada emosi anak

Bila kita memandang wajah anak, analisa emosi mereka. Adakah mereka dalam keadaan terkejut, gembira, sedih, malu, takut dan sebagainya. Emosi anak boleh juga kita kesan daripada intonasi suara, pandangan mata mereka dan bahasa badan yang lain. Kita boleh bertanya mengapa mereka kelihatan sedih seperti "Tadi ayah lihat abang gembira, kenapa sekarang nampak macam sedih saja?" Lihat reaksi mereka, saya pasti ia akan memberikan jawapan kepada persoalan kita.

### 3 Akui emosi anak

Bila mereka memberikan jawapan tentang emosi atau perasaan mereka, akuilah perasaan itu dan jangan sesekali meniadakannya seperti "Ala... macam tu pun nak kecil hati?" tetapi hendaklah kita tanyakan semula benarkah mereka merasa demikian. "Oh jadi abang rasa kecil hati bila ayah kata begitu ya?" Pengesahan emosi yang sedang mereka alami ini akan memudahkan

kita menyelesaikan masalah mereka. Jika mereka takut kita tenangkan, jika marah kita redakan, jika sedih kita gembirakan dan jika mereka keliru kita bantu jelaskan. Namun, adalah sukar untuk memahami emosi anak yang pendiam dan tidak mahu bercerita. Dalam hal begini kita mungkin hanya akan meneka emosi mereka berdasarkan reaksi kepada soalan atau tindakan kita tadi.

### 4 Tangguhkan pembedaan dan dapatkan maklumat lanjut

Sebagai ibu bapa, jangan terlalu cepat memberi penyelesaian kepada suatu masalah tanpa mengetahui cerita lanjut. Anak pasti kecewa kerana mereka mempunyai sudut pandang yang mungkin berbeza daripada apa yang kita lihat. Mereka mahu memberitahu isu lain tetapi oleh kerana kita terlalu cepat memberikan

respon, masalah sebenar tidak kita dengari dan ini akan menyebabkan anak-anak kecewa.

### 5 Lihat situasi itu dari sudut pandang anak

Acapkali kita bertindak kepada anak-anak kita seolah-olah mereka adalah orang dewasa. Anak-anak jadi bingung dengan tindakan ibu bapa. Contohnya mereka tidak faham mengapa mereka perlu masuk tidur pada jam 9 malam. Kita sepatutnya belajar untuk menerangkan kepada anak dengan baik. Terangkan satu persatu mengikut tahap umur mereka.

### 6 Elak memalukan anak, fokus kepada tingkahlakunya

Ramai dalam kalangan ibu bapa memalukan anak-anak tanpa disedari. "Maafkan anak saya terjatuhkan buku ni, Siti ni macam tak ada mata, tak tengok di

mana nak letak". Adalah lebih baik jika kita kata "Maafkan anak saya terjatuhkan buku ni, dia tak perasaan meja tu senget". Kemudian bercakap pula dengan anak kita "Siti letak elok-elok buku tu ya". Dengan berkata begitu kita mengakui kesilapan anak kita dan memberikan keyakinan kepada anak kita bahawa kesilapannya itu boleh diperbetulkan.

### 7 Galakkan anak berfikir secara proaktif

Bila anak mengadu atau bertanya, galakkan anak-anak untuk memberi pilihan jawapan. Dengarkan jawapan dan cadangan dari anak-anak kita. Kemudian berbincanglah dengan mereka. Lihat bagaimana mereka seronok memberikan pandangan dan terasa dihargai bila pandangan mereka diambil kira dalam membuat keputusan. Ini pastinya memberikan keyakinan kepada anak-anak untuk menyuarakan pendapat pada masa akan datang.

